



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

KERAJAAN TERUSKAN KOMITMEN MEMASTIKAN PEMBAIKAN CERUN DEMI KELANGSUNGAN JARINGAN PERHUBUNGAN JALAN RAYA DI FT185

GUA MUSANG, KELANTAN – Kementerian Kerja Raya (KKR) prihatin dan komited menguruskan secara mapan cerun-cerun di sepanjang Jalan Persekutuan. KKR sedar penutupan jalan yang kerap akibat kejadian tanah runtuh akan menyusahkan rakyat serta boleh menjejaskan aktiviti ekonomi dan perniagaan.

2. Susulan daripada kejadian tanah runtuh yang telah berlaku di Laluan FT185, Seksyen 107.6, Jalan Lojing – Gua Musang, Jajahan Gua Musang, Kelantan pada 3 Disember 2025 yang lalu, laluan terbabit terpaksa ditutup sepenuhnya kepada semua jenis kenderaan. Pengguna jalan terpaksa menggunakan jalan alternatif yang lebih jauh dengan masa perjalanan yang lebih lama untuk ke destinasi mereka akibat penutupan ini. Kementerian amat memahami kesulitan yang perlu dihadapi oleh pengguna jalan dan penduduk sekitar akibat penutupan ini.

3. Pada 30 Januari 2026, pihak KKR telah memberikan kelulusan kepada Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC), Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi segera melaksanakan kerja pembaikan lokasi runtuh ini secara Arahan Kerja (AK) yang akan dilaksanakan oleh syarikat Pintas Utama Sdn. Bhd., iaitu kontraktor jangka panjang yang telah dilantik bagi membantu Kerajaan melaksanakan kerja-kerja pembaikan cerun berdasarkan keperluan dan kelulusan oleh KKR. Kerja-kerja awalan melibatkan penyiasatan tapak dan ukur tanah serta rekabentuk terperinci akan dimulakan segera. Manakala kerja pembinaan dijangka akan dimulakan pada awal Mac 2026, dengan pembinaan Temporary Road Diversion dilaksanakan dahulu agar laluan ini dapat dibuka semula kepada pengguna jalan. CKC pula selaku Pengarah Projek dipertanggungjawabkan untuk merancang, mengurus dan menyelia kerja-kerja penyenggaraan cerun terbabit.

4. Secara prinsipnya, pelaksanaan kontrak jangka panjang bagi kerja-kerja penyenggaraan cerun ini mencerminkan keperihatinan dan komitmen Kerajaan MADANI serta iltizam KKR untuk terus menambah baik kualiti infrastruktur jalan raya termasuk cerun-cerun demi keselesaan dan keselamatan pengguna. Menerusi pendekatan ini, kerja-kerja pembaikan cerun yang kritikal dapat ditangani dengan pantas berbanding dengan pelaksanaan proses perolehan biasa. KKR sentiasa komited untuk memastikan rakyat terus mendapat akses rangkaian jalan raya persekutuan yang berkualiti, selamat dan selesa.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
2 FEBRUARI 2026

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#TangkasBertindak

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja